



SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA (MESR) EDISI KHAS “MENELUSURI LANDSKAP EKONOMI”



Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)



Sektor Pembuatan (Nilai ditambah)



Sektor Pertanian (Nilai ditambah)



Sektor Pembinaan (Nilai ditambah)






SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA (MESR) EDISI KHAS “MENELUSURI LANDSKAP EKONOMI”



Sektor Perlombongan dan Pengkuarian (Nilai ditambah)



Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita



Nilai Jualan Barang & Perkhidmatan



Indeks Harga Pengguna (IHP)






Indeks Harga Pengeluar (IHPR)





SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA (MESR) EDISI KHAS “MENELUSURI LANDSKAP EKONOMI”



Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) edisi khas: Menelusuri evolusi ekonomi Malaysia

- Edisi khas ini menyediakan naratif yang memperincikan perubahan struktur ekonomi Malaysia, daripada penguasaan sektor Pertanian dan Perlombongan pada tahun 1970-an kepada kemunculan sektor Pembuatan serta pertumbuhan pesat sektor Perkhidmatan. Laporan ini juga menyoroti ketidaktentuan ekonomi seperti krisis kewangan dan kesihatan, serta pendekatan strategik negara dalam mengekalkan pertumbuhan dan kestabilan.
- Malaysia telah berdepan beberapa krisis ekonomi besar, termasuk Krisis Minyak 1973 dan Krisis Ekonomi 1985 (pertumbuhan KDNK 0.8% pada tahun 1975 dan 1.0% pada tahun 1985), Krisis Kewangan Asia 1997 hingga 1998 dan Krisis Kewangan Global 2008 hingga 2009 (pertumbuhan KDNK 7.4% pada tahun 1998 dan 1.5% pada tahun 2009), serta pandemik COVID-19 pada tahun 2020 hingga 2021 yang memberi kesan besar kepada keselamatan dan kestabilan ekonomi sejagat. Disebalik cabaran ini, Malaysia kekal berdaya tahan, dengan ekonomi beransur pulih dan mencatat pertumbuhan positif. Terkini, **KDNK Malaysia bertumbuh 5.1 peratus** pada tahun 2024 (2023: 3.5%).
- Sumbangan **sektor Pembuatan** mencatat peningkatan ketara, daripada 19.8 peratus pada tahun 1987 kepada kemuncak 30.9 peratus pada tahun 2000. Namun, apabila ekonomi negara mengalami kemelesetan akibat krisis kewangan global pada tahun 2009, sumbangan sektor ini menurun kepada 24.2 peratus. Dari tahun 2010 hingga 2024, sumbangan sektor Pembuatan berada di antara 22.2 peratus hingga 23.1 peratus.
- Pada tahun 1970-an, **sektor Pertanian** merupakan tunjang ekonomi Malaysia dengan sumbangan sebanyak 28.8 peratus (1970) kepada KDNK. Memasuki era globalisasi, eksport dan import agromakanan memainkan peranan penting dalam memastikan bekalan makanan negara terjamin serta menyumbang pertumbuhan ekonomi melalui perdagangan antarabangsa, dengan nilai eksport sebanyak RM46,373.9 juta dan import sebanyak RM78,694.8 juta pada tahun 2023.
- Sejak tahun 1980-an, **sektor Pembinaan** Malaysia berkembang pesat didorong oleh projek infrastruktur oleh kerajaan, koridor ekonomi seperti ECER dan Iskandar Malaysia; infrastruktur berskala besar seperti Lebuhraya SMART; serta penggunaan teknologi seperti IBS dan BIM, termasuk projek mega seperti MRT, LRT3 dan Lebuhraya Pan Borneo. Walaupun terjejas akibat Krisis Kewangan Asia 1997 dan pandemik COVID-19, sektor ini kini bergerak ke arah lebih mampan dan berdaya saing dalam era globalisasi, sektor ini menyumbang 4.0 peratus kepada KDNK pada tahun 2024, meningkat daripada 3.5 peratus pada tahun 1987.
- Sektor **Perlombongan dan pengkuarian** Malaysia telah berkembang daripada perlombongan bijih timah tradisional kepada pengeluaran petroleum, gas asli dan bauksit bernilai tinggi. Pada tahun 2024, sektor ini menyumbang 6.0 peratus kepada jumlah KDNK dengan nilai RM98.4 bilion, meningkat berbanding RM10.2 bilion pada tahun 1987.



- Selari dengan prestasi ekonomi, **Pendapatan Negara Kasar (PNK)** per kapita turut terjejas, mencatat penurunan pada tahun 1975 dan 1985 berbanding tahun sebelumnya. Dalam tempoh pasca pandemik, PNK per kapita Malaysia telah menunjukkan trend meningkat, merekodkan RM54,793 pada tahun 2024 berbanding RM52,942 pada tahun 2023.
- **Inflasi Malaysia (IHP)** telah melalui pelbagai fasa, dipengaruhi oleh faktor domestik dan global. Dalam tempoh menghampiri lima dekad ini (1980 hingga 2024), purata inflasi tahunan di Malaysia berada pada paras 2.7 peratus, berdasarkan pengiraan CAGR, dengan kadar tertinggi 9.7 peratus pada tahun 1981 dan terendah -1.2 peratus % pada tahun 2020. Pada tahun 2024, kadar inflasi mereda kepada 1.8 peratus (2023: 2.5%).
- Sejak diperkenalkan pada tahun 1973, **Indeks Harga Pengeluar (IHPR)** Malaysia telah mengalami perkembangan dari tahun 2000 hingga 2024. Ekonomi Malaysia mencatatkan peningkatan ketara, di mana IHPR meningkat 0.3 peratus pada tahun 2024, selepas mencatat penurunan 1.9 peratus pada tahun 2023.
- Pada tahun 1980-an, sektor Pertanian masih merupakan majikan yang penting, walaupun bahagiannya mula berkurangan selari dengan perubahan struktur ekonomi. Namun, menjelang tahun 2023, sektor Perkhidmatan mengukuhkan kedudukannya sebagai sektor dominan, menyumbang 59.3 peratus kepada KDNK dan **menggaji 65.8 peratus tenaga kerja**, manakala sumbangan Pertanian kepada guna tenaga menurun 9.1 peratus, menunjukkan migrasi **tenaga buruh** yang berterusan ke sektor lain.
- Dari tahun 1970 hingga 2024, **perdagangan Malaysia** berkembang pesat, beralih daripada eksport komoditi seperti kelapa sawit dan getah pada tahun 1970-an dan 80-an kepada produk berteknologi tinggi seperti elektronik dan semikonduktor sejak tahun 1990-an. Import negara turut meningkat dengan kemasukan bahan mentah dan komponen elektronik untuk menyokong industri ini. Pada tahun 2024, nilai eksport terus meningkat kepada RM1.5 trilion (1970: RM5.2 bilion), manakala import berjumlah RM1.4 trilion (1970: RM4.3 bilion).
- **Imbangan Akaun Semasa (CAB)** Malaysia telah berubah daripada defisit pada tahun 1980-an kepada lebihan berterusan sejak akhir 1990-an, mencapai lebihan tertinggi RM131.4 bilion pada tahun 2008, didorong oleh permintaan global yang kukuh terhadap komoditi dan peningkatan hasil eksport. Walaupun berdepan krisis kewangan global, eksport dan import terus meningkat, mencerminkan daya tahan sektor perdagangan Malaysia. Pada tahun 2024, CAB merekodkan lebihan RM27.7 bilion, didorong terutamanya oleh eksport bersih barangan.

